

29/10/1999

Belanjawan 2000 murah hati

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Belanjawan 2000 yang akan dibentangkan esok adalah Belanjawan untuk kebaikan semua dan bukan bertujuan memancing undi pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri menyifatkan Belanjawan tahun depan sebagai lebih baik daripada Belanjawan 1999 yang disediakan tahun lalu ketika keadaan ekonomi negara tidak begitu baik.

"Kerajaan menjangkakan ekonomi tahun depan menunjukkan pencapaian lebih baik dan disebabkan itu kita mampu untuk lebih bermurah hati," katanya dalam temuramah dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di pejabat beliau di Putrajaya, dekat sini.

Katanya, ekonomi negara mencapai prestasi yang lebih baik daripada jangkaan kerajaan dan untuk tahun depan, kerajaan meramalkan ia bertambah baik.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan menjangkakan lebih banyak hasil tahun depan dan disebabkan ini kerajaan berasa ia patut mengembangkan wang itu dalam cara yang ia boleh membantu semua orang.

Diminta mengulas dakwaan pembangkang bahawa Belanjawan negara kali ini bermatlamat memancing undi, Perdana Menteri berkata, pembangkang membuat dakwaan seperti itu setiap kali kerajaan membentangkan Belanjawan negara.

"Sebelum ini pun kita tengok sepanjang masa kita buat Belanjawan negara mereka dakwa kita hendak adakan pilihan raya, tetapi kadangkala bila ada lebihan Belanjawan kita tidak adakan pilihan raya," katanya.

Belanjawan 2000 dijangka mengandungi empat teras utama iaitu memulihkan perbelanjaan pengguna, menggerak projek infrastruktur dan pembinaan, memperkukuh ketahanan pasaran modal dan membangunkan peluang ekonomi dalam aktiviti pelancongan dan pendidikan.

Ke arah mengembalikan kecergasan dalam perbelanjaan pengguna, kerajaan dijangka menggunakan dasar percukaian untuk mengimbangi kesan peningkatan kos pengeluaran.

Rating Agency Malaysia Sdn Bhd (RAM) dalam unjuran Belanjawannya, meramalkan lebih banyak insentif cukai akan diberikan untuk mengekalkan tahap jualan barangan pengguna berharga tinggi seperti kereta dan hartanah.

"Ia mungkin membabitkan kenaikan kadar pengecualian duti eksais bagi kereta buatan tempatan daripada 50 peratus sekarang kepada 70 peratus untuk tempoh yang terhad.

"Oleh kerana kenaikan nilai mata wang yen Jepun dan perlunya mengimport sesetengah komponen kereta, kerajaan mungkin menggantung sementara atau menurunkan duti import kepada Proton atau bagi alat ganti komponen tercurai sepenuhnya (CKD)," kata agensi itu.

RAM berkata, sebagai langkah sokongan, ia menjangka kerajaan menurunkan antara satu hingga tiga peratus cukai pendapatan individu bagi kumpulan pendapatan tertinggi yang pada masa ini pada kadar 30 peratus.

Ini bertujuan meningkatkan jumlah pendapatan boleh belanja rakyat.

Agensi itu juga mengunjurkan pengurangan dalam cukai keuntungan hartanah kerana menurutnya kadar semasa yang diperkenalkan untuk mengurangkan tekanan dalam pasaran hartanah beberapa tahun lalu, tidak lagi boleh dipakai.

Kadar semasa ialah 30 peratus bagi pelupusan dalam masa dua tahun, 20 peratus dalam tahun ketiga dan 15 peratus bagi tahun keempat.

Bagi sektor pembinaan, RAM menjangka kerajaan akan mengumumkan butir

terperinci pakej galakan infrastruktur yang kedua bernilai RM10.6 bilion. Sektor yang akan diliputi dalam pakej itu dijangka perumahan kos rendah dan sederhana, sekolah, hospital dan projek kejuruteraan sivil lain.

(END)